

**LAPORAN LAWATAN KERJA BAGI MENGHADIRI MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN  
IDRIS (UPSI) DENGAN YAYAYSAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL  
TA'ZIM (YPKDT)**

**1.0 PENDAHULUAN**

Kertas ini dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sebagai pelaporan lawatan kerja bagi menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) untuk membangunkan Garis Panduan Pengoperasian Jauhar Childcare Centre (JCC).

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 YPKDT dalam usaha membangunkan Garis panduan pengoperasian Jauhar Childcare Centre untuk memberi panduan kepada Bahagian/ Unit/ Pegawai di ibu pejabat YPKDT/ Peg Tadbir Daerah YPKDT serta semua pengasuh/ pendidik dengan mengambil kira keperluan dan kehendak semasa terhadap proses penubuhan, keselamatan, penjagaan & pengendalian kanak- kanak di JCC.
- 2.2 Berdasarkan pelaporan pemantauan oleh Unit Kajian & Penyelidikan terhadap empat (4) buah JCC iaitu JCC Kota Iskandar, JCC Batu Pahat, JCC Muar dan JCC Pontian, mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu ditambahbaik terutamanya berkaitan dengan pengurusan JCC.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, Bahagian Dasar & Penyelidikan telah mengambil inisitif dengan bekerjasama dengan pihak NCDRC, UPSI bagi melakukan penyemakan semula prosedur pengurusan JCC, penggunaan borang- borang, proses pengajaran dan pembelajaran,

keselamatan bangunan, pengendalian kanak- kanak serta peraturan kepada ibubapa/penjaga.

### **3.0 TUJUAN**

- 3.1 Tujuan utama lawatan adalah untuk menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) untuk membangunkan Garis Panduan Pengoperasian Jauhar Childcare Centre (JCC).
- 3.2 Kesempatan ini juga telah digunakan untuk mengadakan lawatan ke TASKA PERMATA UPSI bagi tujuan membolehkan pihak YPKDT memahami dan mengumpul maklumat kepakaran dan perkongsian ilmu serta memberi pendedahan dalam membangunkan idea dan amalan baharu yang boleh disesuaikan di JCC.

### **4.0 KEAHLIAN WAKIL YPKDT**

- 4.1 Puan Noor Faedah binti Md Esa,- Ketua  
*Ketua Pegawai Eksekutif YPKDT*
- 4.2 Puan Rozzaliana binti Misron,  
*Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan*
- 4.3 Encik Najahal Hafriz bin Zulkifli,  
*Ketua Bahagian Perkembangan Kanak- Kanak & Remaja*
- 4.4 Puan Rozalina binti Omar,  
*Ketua Unit Kajian & Penyelidikan*
- 4.5 Puan Nur Azura binti Patoni,  
*Ketua Unit Perkembangan Awal Kanak- Kanak & Remaja*
- 4.6 Tuan Haji Rais bin Abu Bakar,  
*Ketua Unit Pembangunan Modul*
- 4.7 Puan Manisah binti Sidek,  
*Pegawai Tadbir Daerah Batu Pahat*

- 4.8 Puan Masfarah binti Mamat,  
*Pen. Pegawai Tadbir (Unit Kajian & Penyelidikan)*
- 4.9 Puan Emellia Fahariah binti Jamaludin,  
*Pen. Pegawai Pembangunan Masyarakat (Unit TASKA )*
- 4.10 Puan Fatin Nabila Huda binti Maskan,  
*Pem. Pembangunan Masyarakat (Unit TASKA)*
- 4.11 Puan Nur Elyana binti Ramli  
*Pem. Tadbir (Unit Pembangunan Strategik)*
- 4.12 Encik Azlan bin Rahmad,  
*Juru gambar*

#### **5.0 MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) DENGAN YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL TA'ZIM (YPKDT) UNTUK MEMBANGUNKAN GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN JAUHAR CHILDCARE CENTRE (JCC)**

- 5.1 Pada 30 Mei 2023 (Selasa), YPKDT telah dijemput oleh pihak UPSI bagi menandatangani Memorandum Perjanjian Antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) untuk membangunkan Garis Panduan Pengoperasian Jauhar Childcare Centre (JCC).
- 5.2 Puan Noor Faezah binti Md Esa selaku Ketua Pegawai Eksekutif YPKDT bagi pihak YPKDT menandatangani memorandum perjanjian tersebut yang disaksikan oleh Puan Rozzalina binti Misron, Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan. Manakala bagi pihak UPSI pula diwakili oleh Naib Canselor UPSI Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff.
- 5.3 Memorandum tersebut adalah sebagai perjanjian di antara pihak YPKDT dan UPSI dalam membangunkan Garis Panduan Pengoperasian Jauhar Childcare Centre (JCC) yang berjumlah RM20,000.00 dalam tempoh enam bulan.

## 6.0 SESI LAWATAN KE TASKA PERMATA NCDRC

- 6.1 Lawatan jalinan interaktif dan kerja ini adalah usaha bersama YPKDT untuk memberi pendedahan kepada pegawai- pegawai terutamanya yang bertanggungjawab dalam menguruskan JCC bagi mengenalpasti peranan, pengurusan serta program dan fasiliti TASKA yang digunakan oleh NCDRC.
- 6.2 Selain mengeratkan hubungan kerjasama antara YPKDT dan UPSI, lawatan kerja ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada program kerjasama dan pertukaran pandangan mengenai pengurusan dan pendidikan awal kanak- kanak melalui sesi taklimat dua hala dan soal jawab.
- 6.3 Penerangan daripada Naib Canselor UPSI Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff bersama Prof. Madya Dr. Mazlina Che Mustafa, Pengarah NCDRC telah membuka mata dan minda serta pengetahuan baru kepada pegawai- pegawai YPKDT tentang perkhidmatan yang diberikan. Penerangan tersebut diharap dapat membantu pegawai JCC dalam memperkemaskan pentadbiran dan pengurusan JCC di tempat masing- masing dengan lebih baik.
- 6.4 Seperti lazimnya dalam lawatan jalinan interaktif dan kerja ini, kedua-dua pihak telah bertukar pandangan, menjalinkan persahabatan dan merancang kerjasama berterusan untuk membawa kedua-dua pihak kepada tahap yang lebih baik pada masa-masa akan datang.
- 6.5 Pihak UPSI dalam pembangunan kerangka kerja bagi penyediaan Model Pengajaran TVET di kalangan kanak- kanak. Satu pilot projek telah dijalankan dimana kanak- kanak PERMATA UPSI telah dididik dan diasah daya kreativiti menerusi program reka cipta dan inovasi yang bertujuan bagi meningkatkan keupayaan dan kreativiti dalam bidang kemahiran. Hasil karya kanak- kanak tersebut merupakan antara bahan pameran yang disediakan semasa lawatan diadakan.

- 6.6 Selain itu, UPSI telah menyarankan agar YPKDT dapat mengadakan kursus- kursus pembangunan sahsiah kepada warga pendidik JCC agar mereka lebih bersedia dan memahami tanggungjawab dalam membentuk modal insan dan kualiti pendidikan yang lebih cemerlang.
- 6.7 Hasil daripada lawatan ini juga, YPKDT berhasrat untuk menambahbaik fasiliti dan pengurusan JCC bermula dengan proses pendaftaran TASKA agar setiap tindakan adalah selari dengan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak [Akta 308], Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 3 Tahun 2010: Pelaksanaan Pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di Peringkat Negeri.

## **7.0 LAPORAN BERGAMBAR**

Sebagaimana lampiran

## **8.0 LAPORAN PERBELANJAAN -SULIT**

## 9.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, lawatan ini telah dapat membuka mata dan minda pegawai-pegawai YPKDT tentang fungsi TASKA dan bagaimana sesebuah agensi merancang, membangun dan mengurus modal insan seiring dengan fungsi dan peranan YPKDT sebagai agensi di bawah Kerajaan Negeri yang menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk mensejahterakan pembangunan keluarga terutamanya yang melibatkan golongan sasaran.

Justeru, bagi memastikan YPKDT menjadi sebuah agensi yang terkehadapan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik terutamanya perkembangan awal kanak-kanak, YPKDT perlu lebih bersifat dinamik, kreatif dan bergerak lebih agresif dalam menyampaikan perkhidmatannya kepada masyarakat demi memastikan kejayaan yang berterusan.

## LAPORAN BERGAMBAR

### MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) DENGAN YAYAYSAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL TA'ZIM (YPKDT)



## LAPORAN BERGAMBAR

### 1.0 SESI LAWATAN KE TASKA PERMATA UPSI





## 2.0 LAWATAN KE PAMERAN

### i. PAMERAN PEMAKANAN KESIHATAN KANAK- KANAK

Penyediaan dan pemberian makanan yang seimbang dan berkhasiat adalah antara aspek penting dalam bab pengendalian makanan kanak-kanak di setiap TASKA yang beroperasi. Mengikut Akta TASKA 1984 (Pindaan 2007) di bawah peraturan TASKA 2012.

Sehubungan dengan itu, UPSI amat menitikberatkan penyediaan makanan kanak-kanak di TASKA & TADIKA PERMATA UPSI dengan merujuk kepada Piramid Pemakanan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia KKM, 2012) di mana ia memberi panduan untuk mengimbangi pengambilan makanan setiap hari. Piramid pemakanan ini juga turut menyatakan apakah jenis makanan yang sesuai dan perlu diambil oleh kanak-kanak bagi memastikan tahap perkembangan kanak-kanak sentiasa dalam baik dan positif.

KKM menyediakan pelbagai panduan pemakanan bagi membolehkan pihak TASKA mematuhi prosedur penyediaan dan pemberian makanan kepada kanak-kanak. Ini adalah untuk memastikan hanya makanan yang diperlukan untuk tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak serta makanan yang berkhasiat sahaja dibenarkan disediakan di TASKA. Sebarang makanan yang tidak berkhasiat perlu dielakkan sama sekali di TASKA. Antara yang dimaksudkan dengan makanan yang tidak berkhasiat ialah semua jenis makanan ringan, makanan segera dan makanan sejuk beku serta bahan-bahan masakan yang mengandungi perasa, pewarna atau pengawet makanan.

Dalam sesi taklimat, pihak pempamer yang terdiri daripada pelajar jurusan pendidikan awal kanak-kanak turut menerangkan bahawa pihak yang mengusahakan TASKA perlulah mempunyai maklumat dan kemahiran dalam penyediaan dan pemberian makanan kepada kanak-kanak di TASKA. Dengan kata lain, individu yang berkhidmat di TASKA perlulah peka terhadap apa yang boleh disediakan dan apa yang tidak

boleh disediakan di TASKA. Menurutnya lagi, sebagai pengusaha TASKA juga mesti boleh menerangkan sebab-sebab mengapa sesuatu makanan itu tidak dibenarkan disediakan dan diberi kepada kanak-kanak di TASKA.



ii. **LAWATAN KE PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA**


**a) *Sensory Integrated Gym***

Penggunaan sumber pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang amat penting bagi pendidik untuk memastikan penyampaian maklumat yang ingin disampaikan tepat dengan merujuk kepada tunjang-tunjang pembelajaran agar lebih jelas dan sistematik serta dapat diikuti oleh kanak-kanak dengan lebih baik.

Sumber pengajaran bukan sahaja tertumpu kepada buku dan audio sahaja (rancangan nyanyian lagu kanak-kanak), namun pihak pengurusan TASKA perlulah kreatif dan peka terhadap keperluan kanak-kanak terutamanya aktiviti yang melibatkan motor sensory.

Oleh yang demikian, pihak NCDRC telah menubuhkan *sensory gym* untuk meningkatkan minat kanak-kanak dalam aktiviti fizikal. Kanak-kanak yang mempunyai bakat terutamanya kecerdasan pelbagai kinestatik dapat meningkatkan minat mereka pada bidang tersebut dengan adanya rangsangan bahan-bahan yang menarik yang disediakan di gym tersebut dapat membantu kanak-kanak melakukan aktiviti fizikal dengan suasana yang menyeronokkan.





### **b) *Snoezelen Room***

Terapi Snoezelen merupakan terapi yang dirancang khas untuk memberi rangsangan pada pelbagai pancaindera dengan menggunakan kesan lampu, warna, suara, muzik dan bau. Ruang terapi Snoezelen juga menyediakan suasana yang menyenangkan dan menenangkan.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang terapi ini, pihak NCDRC telah mempelawa YPKDT untuk membuat lawatan ke Snoezelen Room dan memberikan taklimat berkenaan bilik tersebut. Bilik ini menyediakan pelbagai jenis ruang terapi seperti cermin, aroma, lampu yang berkelip, muzik, dan banyak lagi. Ruangan ini sangat selesa dan sesuai untuk digunakan oleh kanak-kanak yang tantrum bagi menjalani terapi mereka.

Sungguhpun begitu, bagi penyediaan bilik ini memerlukan kos yang agak tinggi, jadi tidak hairanlah jika hasilnya begitu memuaskan. Namun begitu, pihak YPKDT juga boleh mewujudkan satu ruang bagi terapi ini. Tidak perlu kos yang banyak tetapi cukuplah sekadar yang termampu. Contohnya ruang yang membolehkan kanak-kanak mendengar muzik/ alunan ayat al-Quran dengan tenang bagi memulihkan dan menyemai rasa keseronokan dalam diri mereka.





### c) *Edible Garden*

Tujuan Edible Garden di bangunkan adalah untuk mewujudkan pembelajaran menerusi inisiatif kanak- kanak (*child-initiated learning*) yang mana ianya merupakan proses kanak- kanak berkeupayaan membina konteks pembelajaran dengan mengatur dan memainkan peranan utama dalam menentukan sesuatu penyiasatan menerusi persoalan dikalangan mereka.

Proses pembelajaran ini melibatkan peranan pendidik sebagai pemerhati dalam memahami minat kanak-kanak. Pendidik juga berperanan sebagai pendengar yang sensitif terhadap perbualan kanak-kanak dan mempunyai kemahiran sebagai pemerhati dalam perubahan tingkah laku semasa proses pembelajaran. Ini adalah penting dalam meningkatkan pemahaman mengenai bagaimana kanak-kanak meneroka alam sekitar dan membina pengetahuan mengenai subjek dalam kehidupan seharian mereka.

Sehubungan dengan itu, JCC yang mempunyai kawasan tanah juga adalah dicadangkan untuk mewujudkan taman mini bagi membolehkan kanak- kanak yang berada di JCC dapat belajar meneroka dan membuat penyiasatan dikalangan kanak- kanak bagi membantu mereka meneroka tumbuh- tumbuhan yang ditanam serta mewujudkan pembelajaran di luar kelas.







d) Kids Kitchen



e) *Children Learning Centre*



**f) Wading Pool**



**Lain- lain perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan oleh NCDRC bagi perkembangan awal kanak- kanak .**


- 1) Creatif Movement Room
- 2) Sand Pit
- 3) Sewing Room
- 4) Puppet Room

Disediakan oleh:



.....  
**(ROZALINA BINTI OMAR)**  
Ketua Unit Kajian Dan Penyelidikan,  
Yayasan Pembangunan Keluarga  
Darul Ta'zim

Disemak oleh:



.....  
**(ROZZALIANA BINTI MISRON)**  
Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan,  
Yayasan Pembangunan Keluarga  
Darul Ta'zim

Di sahkan oleh:



.....  
**(NOOR FAZAH BINTI MD ESA)**  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Yayasan Pembangunan Keluarga  
Darul Ta'zim